

PRIME'S CALAMINE CREAM

Calamine/ Zinc oxide (40% w/w / 3% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Prime's Calamine cream
2. Bagaimana Prime's Calamine cream berfungsi
3. Sebelum mengguna Prime's Calamine cream
4. Cara menggunakan Prime's Calamine cream
5. Semasa menggunakan Prime's Calamine cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Prime's Calamine cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Prime's Calamine cream

Ita digunakan untuk melegakan keadaan dermatitis (inflamasi kulit) dan eczema (kulit merah dan gatal) yang tidak selesa, kegatalan, kulit kering, ruam lampin dan gigitan serangga.

Bagaimana Prime's Calamine cream berfungsi

Calamine dan zinc oxide mempunyai kesan astringen pada kulit. Penggunaannya memberikan kesan penenangan dalam rawatan eczema dan sebagai perlindungan untuk kulit yang meleceh.

Sebelum menggunakan Prime's Calamine cream

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika ada alahan terhadap bahan aktif atau ramuan-ramuan lain produk.

- Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor jikalau mengandung atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja, biasanya kurang mempengaruhi kesan ubat-ubat lain. Walau bagaimanapun, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jikalau mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Prime's Calamine cream

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada kulit bila perlu.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Prime's Calamine cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Rawatan perlu dihentikan jika iritasi dan alahan serius berlaku.

Kesan-kesan sampingan

Tiada laporan kesan sampingan yang disebabkan oleh Prime's Calamine cream. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Prime's Calamine cream

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 25°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim warna merah muda dengan wangian ros.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: calamine dan zinc oxide
- Bahan tidak aktif: glycerin, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, liquid paraffin, chlorocresol, wangian ros dan air.

- Nombor MAL:

MAL19920355XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/08/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)150817/00208